

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menghadapi gelombang kes COVID-19 lebih besar jika berlakunya pilihan raya:-

- (a) adakah kadar vaksinasi dan peratusan rakyat yang telah divaksin memadai bagi mengelak lebih banyak jangkitan berlaku; dan
- (b) apakah kementerian akan mengambil kira kedudukan semasa pusat kuarantin, petugas-petugas barisan hadapan yang perlu berdepan dengan perkara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status liputan vaksin di Malaysia sehingga 10 November 2021 adalah seperti berikut:

- (a) seramai **22,838,338** (97.5%) penduduk dewasa di Malaysia berumur 18 tahun ke atas telah diberikan vaksin sekurang-kurangnya satu dos manakala **22,248,737** (95%) telah diberikan vaksin dos lengkap.
- (b) seramai **2,725,876** (86.6%) penduduk remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah diberikan vaksin sekurang-kurangnya satu dos manakala **2,442,373** (77.6%) telah diberikan vaksin dos lengkap.
- (c) Ini menjadikan keseluruhan seramai **25,564,214** (78.3%) penduduk negara telah diberikan vaksin sekurang-kurangnya satu dos manakala **24,691,110** (75.3%) telah diberikan vaksin dos lengkap.

2. KKM telah melaksanakan pemberian suntikan dos penggalak dan dos tambahan kepada populasi yang layak bermula pada 13 Oktober. Sehingga 10 November 2021, seramai **731,635** orang penduduk dewasa telah menerima vaksin ini. Dos penggalak ini diberikan kepada individu berumur 18 tahun dan ke atas yang telah menerima vaksin COVID-19 dos lengkap dengan memberi keutamaan kepada anggota barisan hadapan, individu yang ada ko-morbiditi dan warga emas.

3. Walaupun kadar liputan imunisasi yang lengkap telah melebihi 95% bagi penduduk dewasa, faktor-faktor lain juga perlu diambil kira bagi membolehkan Pilihanraya Negeri (PRN) atau Pilihanraya Umum (PRU) diadakan. Ianya bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 yang tidak terkawal dan menyebabkan kadar insiden penyakit COVID-19 dan kadar kematian meningkat semula. Faktor-faktor tersebut termasuklah:

## **SOALAN NO : 27**

- (a) pelaksanaan SOP pilihan raya yang diperketatkan;
- (b) perkumpulan ramai sebelum, semasa dan selepas pilihan raya berlangsung berkaitan PRN tidak dibenarkan;
- (c) memperkuuhkan amalan norma baharu oleh masyarakat Malaysia;
- (d) pemantauan dan penguatkuasaan SOP agar penularan jangkitan dapat dikekang;
- (e) menghalang individu yang disyaki dijangkiti COVID-19, sama ada kontak rapat mahupun individu bergejala daripada hadir di mana-mana tempat berkaitan pilihan raya; dan
- (f) meningkatkan keprihatinan orang ramai untuk menjalankan ujian kendiri RTK Ag bagi mengenal pasti status jangkitan COVID-19 agar tidak mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan. Pelaksanaan langkah-langkah di atas memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua pihak termasuk kementerian dan agensi.

4. Selain itu, KKM juga sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi kemungkinan peningkatan semula kes COVID-19. Antara perkara yang diambil kira adalah:

- (a) menyediakan fasiliti perkhidmatan penjagaan dan perawatan COVID-19 seperti bersedia menukar fungsi hospital kepada hospital COVID sepenuhnya atau sebagai *hybrid*, menaik taraf hospital yang dikenal pasti daripada segi bilangan katil ICU dan set penuh *ventilator*, kaunter triage, bekalan oksigen, ketersediaan PPE, *stockpiling*, dan sebagainya;
- (b) kesiapsiagaan bantuan sokongan fasiliti dan perkhidmatan termasuk PKRC, fasiliti kesihatan selain KKM, makmal swasta dan universiti, peruntukan;

**SOALAN NO : 27**

- (c) bersedia dengan pelan pengurusan sumber manusia kesihatan seperti meningkatkan pengambilan anggota kesihatan, kolaborasi dengan hospital universiti dan swasta, pengurusan kesihatan mental anggota kesihatan;
- (d) memastikan kelestarian rawatan dengan memberi rawatan yang berkesan serta anggota kesihatan yang kompeten;
- (e) pemantapan sistem pengurusan kes pra-hospital dan kecemasan termasuk pemantapan sistem pengangkutan dan pemindahan pesakit ke hospital, pengesanan kes COVID-19 dan kontaknya, pemantauan kes yang menjalani isolasi di rumah dan sebagainya;
- (f) pencegahan jangkitan nosokomial COVID-19 dalam kalangan pesakit, anggota kesihatan serta meningkatkan liputan vaksinasi dalam kalangan staf; dan
- (g) meningkatkan koordinasi dan komunikasi strategik di pelbagai peringkat di KKM dan agensi lain.

Sekian, terima kasih.